

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B DATUK JOSEPH SALANG
ANAK GANDUM [JULAU]**

TARIKH : 19.10.2015

SOALAN :

Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah persiapan di sekolah-sekolah untuk menjadikan mata pelajaran Bahasa Inggeris sebagai salah satu mata pelajaran di mana calon-calon peperiksaan SPM wajib lulus dengan kredit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengumumkan penangguhan syarat wajib lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang sepatutnya dilaksanakan pada tahun 2016. Penangguhan ini dilakukan untuk memberi ruang dan peluang kepada guru, murid serta pihak berkaitan dalam membuat persediaan yang lebih rapi.

Sehubungan itu, KPM melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) sebagai langkah persediaan melaksanakan syarat wajib lulus Bahasa Inggeris (BI) dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pada masa ini, KPM melipatgandakan program peningkatan penguasaan BI,

termasuklah pelaksanaan program Literasi BI (LINUS 2.0), pelantikan FasiLINUS yang berperanan sebagai mentor dan pembimbing kepada guru BI Tahap 1, peluasan peranan Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+), pelaksanaan Komponen Sastera Kontemporari Kanak-kanak kepada murid-murid Tahap 2 sekolah rendah, pelaksanaan Sistem Set di Tingkatan 1 dan pelaksanaan Komponen Sastera BI (KOMSAS) di sekolah menengah serta pembekalan bahan bacaan tambahan BI ke pusat sumber sekolah .

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program pemantapan tahap pengajaran Bahasa Inggeris (*Professional Upskilling of English Language Teachers* atau Pro-ELT) telah dilaksanakan sejak tahun 2013 untuk melatih guru BI secara berperingkat-peringkat sehingga tahun 2016. Selain itu, KPM juga melaksanakan program *English Teaching Assistance* (ETA) yang melibatkan 225 orang *full bright scholars* di 100 buah sekolah. Manakala, seramai 360 penutur jati (*native speakers*) telah ditempatkan di 1,800 sekolah bagi membantu 5,000 guru bahasa Inggeris semasa proses Pengajaran dan Pembelajaran. Melalui program *Teach For Malaysia* (TFM) pula, seramai 240 orang fellow dari universiti terkemuka dunia seperti Universiti Oxford, Cambridge, Harvard dan sebagainya mengajar di sekolah-sekolah Kementerian seluruh negara.

Kementerian juga melaksanakan intervensi seperti program Peningkatan Penguasaan Bahasa Inggeris SPM (PPPBI SPM) bagi meningkatkan kemahiran BI pelajar sekolah menengah. Kumpulan sasaran program ini ialah murid Tingkatan 3 hingga 5 di 1,191 sekolah '*hotspots*', iaitu sekolah yang mencapai peratus lulus BI dalam SPM di

bawah 77%. Program ini dilaksanakan merangkumi dua komponen iaitu komponen dalam kelas (*Differentiated Teaching and Learning*) dan komponen luar kelas (OPS-English 2.0).

Program Oral Proficiency in English for Secondary Schools (OPS-English) juga dilaksanakan di 827 sekolah seluruh Malaysia, khususnya sekolah di luar bandar yang berada dalam band 3 hingga band 6, untuk meningkatkan keyakinan dan kemahiran murid berkomunikasi dalam BI.

RJM02